



**TEKS UCAPAN
YB. DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**DI MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI TAHUN 2018
BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE (BACC)**

22 APRIL 2019

Terima kasih Tuan/ Puan Pengacara Majlis

YANG BERTHORMAT TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH PAWANTEH,
Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI SUHAIMI BIN HAJI MAMAT,
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli);

YANG BERUSAHA PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan);

YANG BERUSAHA ENCIK BADURUNHISAM BIN MOHD NOR,
Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan);

Yang Berbahagia Datuk/ Dato' Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/ Agensi

Timbalan Ketua-ketua Pengarah Jabatan
Setiausaha-setiausaha Bahagian/ Ketua-ketua Unit KATS
Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi

Yang Diraikan Para Penerima Anugerah
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kerana dapat kita bersama-sama pada hari ini bagi menjayakan **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli Tahun 2018.**

2. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh Jawatankuasa Penganjur atas kesudian menjemput saya untuk menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KATS bagi Tahun 2018.

Hadirin sekalian,

3. Majlis APC diadakan bertujuan untuk mengiktiraf pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawah KATS yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berprestasi tinggi sepanjang tahun 2018. Pengiktirafan ini juga bertujuan untuk menjadikan pegawai penerima APC sebagai *role model* dan daya penarik kepada pegawai-pegawai lain untuk sama-sama meningkatkan kecemerlangan.

4. Pada tahun ini, seramai **855 pegawai** KATS telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi Tahun 2018. Jumlah ini merangkumi **59 orang pegawai Kementerian** dan **796 orang pegawai** dari **Jabatan/Agensi**. Manakala seramai **21 pegawai Kementerian** akan menerima **Anugerah Lama Berkhidmat (ALB).**

5. Majlis APC pada kali ini turut memperkenalkan **Anugerah Khas Menteri**. Anugerah Khas Menteri ini diperkenalkan bagi mengiktiraf pegawai dalam kumpulan kerja berprestasi tinggi di Bahagian atau Unit

di Kementerian dan Jabatan/Agensi KATS yang melaksanakan program atau projek KATS dan berjaya memberikan sumbangan yang signifikan kepada Perkhidmatan Awam dan Negara.

6. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua penerima anugerah pada tahun ini. **Pengiktirafan dan penghargaan** diharap mampu terus menyuntik semangat **bagi mencipta kejayaan dan kegemilangan KATS di pelbagai peringkat demi untuk kesejahteraan rakyat dan negara.**

Hadirin sekalian,

7. Mengimbau kembali kejayaan tahun 2018, pelbagai pencapaian telah berjaya diraih KATS samada di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa. Oleh itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berjaya melaksanakan agenda KATS sebagai peneraju dalam pengurusan air, tanah dan sumber asli negara sepanjang Tahun 2018. Semua kejayaan yang diraih tidak mungkin menjadi realiti, jika tiada hubungan dan kerjasama erat sesama kita. Hubungan ini perlu terus dipelihara dan diperkukuh, bertepatan dengan peranan **penjawat awam sebagai tulang belakang** kepada kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan rakyat.

8. Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita baru-baru ini berkata bahawa Malaysia mampu melonjak semula sebagai Harimau Asia jika rakyat berpegang kepada tiga nilai hidup iaitu rajin, berilmu dan amanah. Nilai-nilai yang ditekankan oleh Perdana Menteri ini sangat penting dan perlu diamalkan bersama-sama dengan nilai kecemerlangan oleh warga KATS dalam menjalankan tugas

sebagai penjawat awam kerana ia merupakan penentu kepada kejayaan bangsa dan negara kita.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Mengambil iktibar daripada kisah kejayaan Tony Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif Air Asia di dalam bukunya bertajuk "*Flying High*", beliau merupakan seorang individu yang sentiasa berusaha dan tidak bersikap berputus asa. Beliau menyarankan supaya seseorang harus "**terus dan terus mencuba sehingga berjaya**". Oleh yang demikian, saya meminta semua warga KATS untuk menanamkan sikap tidak berputus asa dan sentiasa melakukan yang terbaik demi untuk meningkatkan kecemerlangan Perkhidmatan Awam dan negara selari dengan tema majlis APC kali ini iaitu KATS Cemerlang, Pemacu Perubahan.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Wawasan 2020 yang merupakan pelan hala tuju pembangunan jangka panjang akan berakhir pada penghujung tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas. Sebuah dasar sosio ekonomi jangka panjang pasca 2020 akan dirangka bagi memastikan pembangunan negara yang lebih inklusif dan bermakna, selari dengan pembentukan masyarakat yang makmur. Tema dasar pembangunan jangka panjang pasca 2020 ke arah Malaysia makmur akan merangkumi konsep kemakmuran bersama (*shared prosperity*) yang berlandaskan tiga dimensi iaitu ekonomi, alam sekitar serta sosial dan keterangkuman (*inclusivity*). Dimensi yang berkaitan dengan KATS adalah dimensi alam sekitar yang merangkumi ekonomi biru, teknologi hijau, tenaga boleh baharu serta adaptasi dan

mitigasi iklim. Bagi tujuan penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, saya memohon kepada semua pengurusan tertinggi KATS yang menjadi *think tank* kepada Kementerian untuk menilai pencapaian projek-projek dalam RMK-11, mengkaji cabaran perubahan persekitaran semasa dan mengenal pasti keperluan sebenar rakyat. Saya yakin, pengalaman YBhg. Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan dalam penyediaan dan pelaksanaan Rancangan-rancangan Malaysia yang terdahulu akan dapat membantu untuk menetapkan hala tuju baharu KATS dalam RMK-12 bagi memastikan pengurusan air, tanah dan sumber asli dilaksanakan secara mampan untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah serta setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan majlis yang penuh gemilang pada hari ini. Menjadi harapan dan hasrat saya agar Kementerian ini akan terus meningkatkan kecemerlangan dalam apa jua program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi memastikan KATS terus cemerlang dan menjadi pemacu perubahan dalam perkhidmatan awam dan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.